

**RUNDINGAN *POINT OF AGREEMENT (POA)* 1990 DALAM
HUBUNGAN MALAYSIA-SINGAPURA**

LT KOL AZHAR BIN TAHIR

Tesis ini dimajukan untuk Pusat Pengajian Siswazah, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia sebagai memenuhi syarat bagi memperolehi Ijazah Sarjana Sains (Strategik dan Hubungan Antarabangsa)

April 2016

ABSTRAK

Malaysia dan Singapura sebagai negara berjiran terletak di tengah-tengah Asia Tenggara. Kedua-dua negara adalah bekas tanah jajahan Britain yang mempunyai beberapa persamaan dan perbezaan sejarah, politik, sosio-budaya dan ekonomi hingga mewujudkan hubungan istimewa yang adakalanya harmoni dan kadangkala tegang selain dibelenggu syak wasangka ekoran perpisahan kedua-dua negara pada 9 Ogos 1965. Faktor “turun-naik” hubungan Malaysia-Singapura adalah kerana isu-isu utama dan semasa meliputi isu air, penggunaan ruang udara Malaysia oleh Tentera Udara Republik Singapura, hak kedaulatan *Pedra Branca, Middle Rock* dan *South Ledge*, pelaksanaan *Point of Agreement (POA)* yang ditandatangani pada 27 Nov 1990 membabitkan pembangunan bersama tanah milik Keretapi Tanah Melayu (KTM) di Singapura serta pemindahan Pusat *Custom, Immigration and Quarantine (CIQ)* dari stesen KTM Tanjung Pagar ke Woodland dan lain-lain isu. Namun, kajian ini memberi tumpuan khusus kepada isu POA 1990 yang hanya dapat diselesaikan dalam tempoh 20 tahun (1990-2010) melalui rundingan. Isu POA dijadikan sebagai bahan kajian kes untuk melihat cabaran kedua-dua negara menguruskan isu dua hala ini secara rundingan hingga mencapai satu titik persamaan dan seterusnya tercapai keputusan untuk menyelesaikan isu ini secara tuntas. Kajian ini menggunakan pendekatan rundingan bagi memahami cara isu POA ini diselesaikan. Dalam kajian ke atas POA, proses rundingan sama ada berjaya atau sebaliknya bersandarkan tiga angkubah iaitu faktor idiosinkratik pemimpin, faktor domestik dan faktor luaran. Dua teori dan strategi rundingan iaitu “Strategi Rundingan Kolaboratif” dan “Strategi Rundingan Kompetitif” digunakan sebagai kerangka pendekatan untuk menjelas dan menganalisis bagaimana isu POA ini mencapai penyelesaian. Proses rundingan berlaku dalam tiga tingkat kepimpinan di Malaysia melibatkan Mahathir Mohamad, Abdullah Ahmad Badawi dan Najib Abdul Razak. Manakala Singapura pula melibatkan Lee Kuan Yew, Goh Chok Tong dan Lee Hsien Loong. Justeru, cabaran proses rundingan antara Malaysia dengan Singapura ini dikawal oleh tiga faktor yang dibincangkan. Kajian ini menyimpulkan bahawa penyelesaian isu POA ini banyak dicorakkan oleh tiga faktor tersebut dengan faktor idiosinkratik melibatkan dua pemimpin iaitu Mahathir (Malaysia) dan Lee Kuan Yew (Singapura) sebagai cabaran utama kerana kedua-duanya mempunyai pendapat dan pandangan yang berbeza. Sikap kedua-dua pemimpin yang bertentangan ini dapat difahami dengan menggunakan “Strategi Rundingan Kompetitif” yang menjelaskan mengapa POA tertangguh sekian lama. Isu POA terlerai di bawah pentadbiran Abdullah dan Najib yang kaedah penyelesaiannya mencerminkan pendekatan “Strategi Rundingan Kolaboratif”. Walau bagaimanapun, pelaksanaan POA ini mengubah beberapa kepentingan Malaysia di Singapura merangkumi tanah milik KTM serta kemudahan CIQ di stesen KTM Tanjung Pagar. Proses penyelesaian POA 1990 ini juga memberi kesan kepada hubungan dua hala Malaysia-Singapura ke arah *detente* dan bersifat lebih positif walaupun perasaan syak wasangka dan cubaan untuk saling menyaingi antara satu sama lain berterusan.

ABSTRACT

Malaysia and Singapore are located in the middle of Southeast Asia. As a former British colony, both countries have some similarities and differences in their historical, political, socio - cultural and economic aspects. These similarities and differences have paved the way for a relationship that is sometimes harmonious, if not tense, with equal amount of prejudice since parting from each other on 9 August 1965. The uncertainty of Malaysia-Singapore relation is partly due to several unresolved issues such as the water issue, intrusion on Malaysian air space by the Republic of Singapore's Air Force, the sovereignty of Pedra Branca, Middle Rocks and South Ledge, the implementation of Point of Agreement (POA) which was signed on 27 November 1990 concerning the joint development of Keretapi Tanah Melayu (KTM) land in Singapore and the relocation of the Custom, Immigration and Quarantine (CIQ) Centre from Tanjung Pagar KTM station to Woodlands. However, this research focuses specifically on the issue of the 1990 POA which was resolved through negotiation over a 20-year period (1990-2010). This issue is used as a case study to understand how the two countries dealt with and overcome the challenges on bilateral issues through negotiations until a common ground was achieved to resolve the issue amicably. This research uses a negotiation approach to comprehend how the issue was resolved by both countries. The negotiation approach is chosen as it is a preferred option in solving conflicts between countries. In the study on POA, the negotiation process, whether it is a success or a failure, depends on three factors, that is, the leaders' idiosyncratic, domestic and external factors. Two important theories in negotiation, "Competitive Negotiation Strategy" and "Collaborative Negotiation Strategy", are applied as a framework to explain and analyze how the issue was resolved. The negotiation process occurred in three stages under the Malaysian of premiership Mahathir Mohamad, Abdullah Ahmad Badawi and Najib Abdul Razak and involved Lee Kuan Yew, Goh Chok Tong and Lee Hsien Loong, on the part of Singapore. Thus, the challenges on the negotiations process between Malaysia and Singapore were controlled by three factors, namely the leaders' idiosyncratic, internal and external factors. This research concludes that the solution of the POA issue is shaped by the three factors mentioned earlier with the main challenge being the idiosyncratic factors involving the two leaders in both countries, that is, Mahathir (Malaysia) and Lee Kuan Yew (Singapore) due to their conflicting views and opinions. What is clear is that the attitude of the two opposing leaders in the government can be understood through the "Competitive Negotiation Strategy" which explained why the POA took a long time to conclude. The issue was finally resolved under the leadership of Abdullah and Najib whose approach to the issue reflected the "Collaborative Negotiation Strategy". Nevertheless, the 1990 POA implementation have changed some of Malaysia's interests and outlook in Singapore concerning the land owned by KTM and CIQ in Tanjung Pagar KTM station. The 1990 POA agreement has also influenced the bilateral relations between Malaysia and Singapore which were inclined towards detente with more positive outlook despite the ongoing distrust and competition between each other.

PENGHARGAAN

Buat Cahaya Pengorbanan ...

Tesis ini diabadikan sempena pengalaman bertugas di Republik Singapura mulai Jan 2005 hingga Dis 2008 sebagai Penolong Penasihat Pertahanan, Suruhanjaya Tinggi Malaysia di Singapura. Tesis ini juga kesinambungan kertas kerja bertajuk “*Isu Kastam, Imigresen dan Kuarantin Dalam Hubungan Malaysia-Singapura*” sebagai salah satu penulisan terbaik kursus Maktab Turus Angkatan Tentera Siri 30/2001 dan dimuatkan dalam Jurnal *The Haigate Papers 2001-Vol.8*.

Ucapan terima kasih kepada Prof Madya Dr. Radziah Abdul Rahim yang menyeliaikan tesis ini. Juga kepada Tun Dr. Mahathir Mohamad dan Tun Daim Zainuddin yang sudi untuk ditemubual. Tidak dilupakan bantuan sepanjang kajian tesis yang diberikan oleh Encik Suhaimi Ahmad Tajudin dari Wisma Putra. Juga kepada pembantu, Azmi Anuar yang menyusun serta menaip hingga siapnya tesis ini. Ucapan terima kasih juga kepada Perpustakaan Negara Malaysia, *Singapore's National Library* dan Perpustakaan Kementerian Pertahanan yang meminjamkan buku serta bahan yang telah menjadi sejarah.

Semoga dengan hasil kajian ini dapat menyumbang kepada *lacuna* serta jurang literatur bahan-bahan bacaan untuk pengamal perundangan serta perincian isu kajian kes ini.

KELULUSAN

Saya mengesahkan bahawa Jawatankuasa Peperiksaan telah bersidang pada 30 Dis 2015 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi **Lt Kol Azhar bin Tahir (No Matrix: 3080058)** ke atas tesis ijazah sarjana bertajuk **Rundingan *Point Of Agreement (POA)* 1990 Dalam Hubungan Malaysia-Singapura**. Jawatankuasa ini memperakukan bahawa calon layak dianugerahkan Ijazah Sarjana Sains (Strategik dan Hubungan Antarabangsa).

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan adalah seperti berikut.

Wan Norhasniah binti Wan Hussin, PhD

Profesor Madya Dr.

Fakulti Pengajian dan Pengurusan Pertahanan

Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)

(Pengerusi)

Ruhanas binti Harun, PhD

Profesor

Fakulti Pengajian dan Pengurusan Pertahanan

Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)

(Pemeriksa Dalaman)

Balakrishnan RK Suppaiah, PhD

Pensyarah Kanan

Jabatan Pengajian Strategik dan Antarabangsa

Fakulti Sastera dan Sains Sosial

Universiti Malaya (UM)

(Pemeriksa Luaran)

KELULUSAN

Tesis ini dikemukakan kepada Senat Universiti Pertahanan Nasional Malaysia dan telah memenuhi piawaian bagi tujuan penganugerahan Ijazah Sarjana Sains (Strategik dan Hubungan Antarabangsa). Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Radziah binti Abdul Rahim, PhD

Profesor Madya

Jabatan Pengajian Strategi

Fakulti Pengajian dan Pengurusan Pertahanan

Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)

(Penyelia)

PENGAKUAN

Nama Penuh Penulis : AZHAR BIN TAHIR (3080058)
Tarikh Lahir : 06 Mei 1963
Tajuk : Rundingan *Point of Agreement (POA)* 1990
Dalam Hubungan Malaysia-Singapura
Sesi Akademik : 2011/2016

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau keselamatan Malaysia yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)*

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TERBUKA

(Mengandungi maklumat yang tidak berdarjah keselamatan)

Saya mengaku bahawa Universiti Pertahanan Nasional Malaysia mempunyai hak sebagaimana berikut:

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Pertahanan Nasional Malaysia.
2. Perpustakaan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia dibenarkan membuat salinan untuk tujuan penyelidikan sahaja.
3. Perpustakaan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia dibenarkan membuat salinan tesis bagi tujuan pertukaran akademik.

TANDATANGAN

T3003071

IC/NO. PASSPORT

Tarikh:

TANDATANGAN PENYELIA

**PROFESOR MADYA DR.
RADZIAH BINTI ABDUL RAHIM**

NAMA PENYELIA

Tarikh:

Catatan : *Jika Kertas Akademik ini **SULIT** atau **TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali tempoh Kertas Akademik ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** atau **TERHAD**.

ISI KANDUNGAN

	Mukasurat
ABSTRAK	ii
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	iv
KELULUSAN	v
PENGAKUAN	vii
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI KEMBARAN	xiii
SENARAI SINGKATAN	xiv

BAB

1	Pengenalan	1
1.1	Motivasi Kajian	1
1.2	Objektif Kajian	4
1.3	Pernyataan Masalah Kajian	5
1.4	Hipotesis	9
1.5	Ulasan Karya	9
	1.5.1 Rundingan Dalam Hubungan Antarabangsa	10
	1.5.2 Hubungan Malaysia-Singapura	15
	1.5.3 <i>Point of Agreement</i> (POA) 1990	17
1.6	Kerangka Teori	17
	1.6.1 Strategi Rundingan	19
	1.6.2 Strategi Rundingan Kolaboratif	19
	1.6.3 Strategi Rundingan Kompetitif	20
1.7	Metodologi Kajian	22
1.8	Kepentingan Kajian	23
1.9	Batasan Kajian	24
1.10	Organisasi Kajian	24
1.11	Penutup	26
2	Tinjauan Semula Hubungan Malaysia-Singapura	27
2.1	Beban Sejarah	27
2.2	Pandangan Tentang Penentu Hubungan Dua Hala	30
	2.2.1 Tiga Faktor Penentu Hubungan Luar Antara Negara	31
	2.2.2 Tiga Faktor Penentu Hubungan Malaysia-Singapura	33

2.3	Faktor Idiosinkratik	35
2.3.1	Definisi Idiosinkratik	35
2.3.2	Aplikasi Konsep Dalam Kes Malaysia-Singapura	36
2.3.3	Pertelingkahan Pemimpin Malaysia-Singapura	37
2.3.4	Pertentangan Ideologi Pemimpin	43
2.3.5	Kerjasama Malaysia-Singapura	50
2.3.6	Hubungan Dua Hala Semasa Pentadbiran Mahathir	51
2.4	Faktor Domestik	57
2.4.1	Isu Perkauman	58
2.4.2	Kestabilan dan Kelangsungan Rejim	59
2.4.3	Persaingan Ekonomi	64
2.5	Faktor Luaran	67
2.5.1	Zaman Perang Dingin 1945-1989	67
2.5.2	Zaman Paskaperang Dingin 1989 Sehingga Sekarang	69
2.6	Isu-isu Semasa Dalam Hubungan Malaysia-Singapura	71
2.6.1	Latarbelakang Isu	71
2.6.2	Isu Bekalan Air Ke Singapura	71
2.6.3	Tuntutan Bertindih Batu Putih	72
2.6.4	Penambakan Pulau Tekong	73
2.6.5	Penggunaan Ruang Udara Malaysia Oleh Pesawat RSAF	75
2.6.6	Pengeluaran Wang CPF	76
2.6.7	Bekalan Pasir Ke Singapura	78
2.6.8	Tanah KTMB, Isu CIQ Dan Jambatan Baru	78
2.7	Penutup	79

3	RUNDINGAN <i>POINT OF AGREEMENT</i> JANGKAMASA 1990 HINGGA 2010	80
3.1	Latar Belakang Rundingan	80
3.2	Perkembangan Awal Rundingan POA Sebelum Tahun 1990	84
3.3	Terma Persetujuan POA 1990	89
3.3.1	Syarat-syarat Rundingan POA 1990	90
3.3.2	Rumusan Rundingan POA 1990	90
3.3.3	Implikasi Rundingan POA 1990 Mengikut Pandangan Malaysia	92

3.4	Rundingan POA 1990 Dalam Era Mahathir 1990 – 2003	94
3.4.1	Tindakan Awal KTMB Melaksanakan POA	94
3.4.2	Rundingan Awal Malaysia-Singapura Untuk Melaksanakan POA 1990	97
3.4.3	Rundingan Secara Pakej	102
3.4.4	Rumusan Rundingan Secara Pakej	118
3.4.5	Penamatan Rundingan Secara Pakej	129
3.5	Penyelesaian Rundingan POA 1990	136
3.5.1	Tindakan Semasa Pentadbiran Abdullah (2008-2009)	136
3.5.2	Tindakan Pentadbiran Najib Abdul Razak (2009-2010)	141
3.6	Paskapenyelesaian	145
3.7	Penutup	147
4	ANALISIS RUNDINGAN POA 1990 HINGGA 2010	149
4.1	Pendahuluan	149
4.2	Perbandingan Pendirian Malaysia Dan Singapura Tentang POA 1990	150
4.2.1	Keabsahan POA 1990	150
4.2.2	Isu Tanah KTMB di Singapura	152
4.2.3	Kemudahan CIQ Malaysia di Singapura	154
4.2.4	Bayaran Pembangunan Untuk Tiga Lot Tanah	156
4.3	Kepentingan POA Kepada Malaysia	156
4.4	Faktor Mempengaruhi Rundingan POA (1990 Hingga 2010)	159
4.4.1	Faktor Idiosinkratik	159
4.4.2	Faktor Domestik	172
4.4.3	Faktor Luar Negara	181
4.5	Penutup	192
5	KESIMPULAN	194
	BIBLIOGRAFI	211
	KEMBARAN	226
	BIODATA PELAJAR	254

SENARAI RAJAH

Rajah 1: Laluan Jalan Keretapi Dari Johor Bahru Ke
Tanjung Pagar.

Muka Surat 89

SENARAI JADUAL

Jadual 1: Ciri-ciri Strategi Rundingan Kolaboratif Dan
Kompetitif.

Muka Surat 21

SENARAI KEMBARAN

Kembaran A: Transkrip <i>Point of Agreement</i> 1990 (Dipetik daripada salinan asal).	Muka surat 226
Kembaran B: Surat Kepada Tun Dr. Mahathir Mohamad	Muka surat 232
Kembaran C: Surat Jawapan Daripada Pejabat Tun Dr. Mahathir	Muka surat 235
Kembaran D: Temubual Dengan Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir Mohamad Pada 1 April 2016	Muka surat 236
Kembaran E: Surat Kepada Tun Daim Zainuddin	Muka surat 245
Kembaran F: Sesi Temubual Dengan Tun Daim Zainuddin	Muka surat 248

SENARAI SINGKATAN

AFTA	-	<i>ASEAN Free Trade Area</i>
AMDA	-	<i>Anglo–Malayan Defence Agreement</i>
AMF	-	<i>Asian Monetary Fund</i>
APEC	-	<i>Asia Pacific Economic Cooperation</i>
AS	-	Amerika Syarikat
ASEAN	-	<i>Association Of Southeast Asian Nations</i>
ASEM	-	<i>The Asia-Europe Meeting</i>
BN	-	Barisan Nasional
CIQ	-	<i>Custom, Immigration And Quarantine</i>
CPF	-	<i>Central Provident Fund</i>
DAP	-	<i>Democratic Action Party</i>
DC	-	<i>Development Charges</i>
DEB	-	Dasar Ekonomi Baru
DPN	-	Dasar Pembangunan Nasional
EAEG	-	<i>East Asian Economic Group</i>
FPDA	-	<i>Five Power Defence Arrangement</i>
GATT	-	<i>General Agreement on Tariffs and Trade</i>
GSP	-	<i>General System of Preferences</i>
GLC	-	<i>Government Link Company</i>
IMF	-	<i>International Monetary Fund</i>
KTM	-	Keretapi Tanah Melayu
KTMB	-	Keretapi Tanah Melayu Berhad
MAGERAN	-	Majlis Gerakan Negara
MCA	-	<i>Malaysian Chinese Association</i>

MEB	-	Model Ekonomi Baru
MOU	-	<i>Memorandum of Understanding</i>
MPAJA	-	<i>Malayan People's Anti –Japanese Army</i>
MRA	-	<i>Malaysian Railway Authority</i>
MRT	-	<i>Mass Rapid Transit</i>
M-S	-	Malaysia –Singapore
MSC	-	<i>Multimedia Super Corridor</i>
NIC	-	<i>New Industrial Countries</i>
NEP	-	<i>National Economic Plan</i>
NPL	-	<i>Non- Performance Loan</i>
PAP	-	<i>People's Action Party</i>
PAS	-	Partai Islam Se-Malaysia
PBB	-	Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
PKM	-	Parti Komunis Malaya
PLUS	-	Projek Lebuhraya Utara- Selatan
PM	-	Perdana Menteri
POA	-	<i>Point of Agreement</i>
PPP	-	<i>People's Progressive Party</i>
RRC	-	Republik Rakyat China
RSAF	-	<i>Republic of Singapore Air Force</i>
SAF	-	<i>Singapore Armed Forces</i>
SEARCCT	-	<i>South-East Asia Regional Center for Counter Terrorism</i>
SEATO	-	<i>South-East Asia Treaty Organization</i>
SUMNO	-	<i>Singapore's United Malay National Organization</i>
SM	-	<i>Senior Minister</i>
UMNO	-	<i>United Malay National Organization</i>

USSR	-	<i>Union of Soviet Socialist Republics</i>
WTCP	-	<i>Woodlands Train Check Point</i>
WTO	-	<i>World Trade Organization</i>
ZOPFAN	-	<i>Zone Of Peace, Freedom and Neutrality</i>

BAB 1

PENGENALAN

1.1 MOTIVASI KAJIAN

Perang Dunia Kedua yang tamat pada tahun 1945 membawa kepada proses dekolonisasi negara-negara yang dijajah di dunia, khasnya dalam kalangan negara-negara Afro-Asia. Proses dekolonisasi ini membolehkan kebanyakan negara di rantau Asia mencapai kemerdekaan daripada penjajah masing-masing. Keadaan ini yang dianggap sebagai satu lembaran sejarah baru seharusnya menjanjikan kesejahteraan dan keselamatan kepada negara-negara yang baru muncul ini dalam arena antarabangsa. Walaupun kita dapati beberapa negara baru ini menikmati keamanan dan pembangunan tetapi senario ini tidak menjadi satu kenyataan bagi setiap negara yang mencapai kemerdekaan. Kebanyakan negara yang mewarisi legasi yang ditinggalkan oleh bekas penjajah juga mewarisi masalah kenegaraan yang mula meruncing dalam tahun 1940an dan 1950an.

Di Asia Tenggara, senario yang hampir sama juga menjadi satu realiti politik. Ancaman komunis dan permasalahan etnik dan kemunduran ekonomi menjadi satu kenyataan hidup. Dalam kes Malaysia, kemerdekaan dicapai semasa

negara ini masih lagi diancam oleh pemberontakan bersenjata Parti Komunis Malaya (PKM). Walaupun ancaman PKM ini dapat dikendurkan selepas Rundingan Baling 1955, namun ianya hanya dapat diatasi pada tahun 1960. Dalam keadaan ini, cadangan pembentukan Malaysia yang diperdebatkan selepas kemerdekaan Malaya pada tahun 1957, disempurnakan pada tahun 1963 dengan pembentukan Persekutuan Malaysia melalui penyertaan Singapura, Sabah dan Sarawak. Manakala Brunei menarik diri. Entiti yang dikenali sebagai Persekutuan Malaysia tidak kekal lama kerana, selepas 23 bulan (mulai 16 Sep 1963 hingga 9 Ogos 1965) Singapura berpisah daripada Persekutuan Malaysia dengan menjadi negara Republik. Perpisahan ini menjadi satu titik tolak yang kemudiannya menentu dan mencorakkan hubungan dua hala Malaysia-Singapura sehingga hari ini. Perpisahan ini pada dasarnya menunjukkan permulaan hubungan dua hala yang sentiasa menjanjikan pelbagai perbalahan dan konflik yang berterusan.

Sebagai seorang pemerhati politik Malaysia, pengkaji sentiasa tertarik dengan pergolakan dan perbalahan yang menjadi asas hubungan dua hala Malaysia-Singapura. Minat pengkaji juga dikongsi oleh pemerhati lain yang telah memberikan pandangan dan pendapat mereka tentang bentuk hubungan dua hala ini sejak tahun 1965 sehingga sekarang, atau dalam kata lain, sejak Singapura dipisahkan daripada Malaysia sehingga kini. Realitinya ialah hubungan Malaysia-Singapura ini sentiasa diselubungi dengan pelbagai isu dan perbalahan yang menyebabkan hubungan ini sentiasa mengalami keadaan pasang surut yang sangat menarik kepada pemerhati seperti pengkaji untuk diteliti dan diperbincangkan. Tinjauan secara kasar memberikan gambaran bahawa terdapat pelbagai isu dalam hubungan dua hala yang memerlukan perhatian dan penyelesaian. Persoalan tentang

rundingan semula bayaran bekalan air Malaysia ke Singapura, tuntutan bertindih terhadap Batu Putih (*Pedra Branca*), status tanah milik Keretapi Tanah Melayu (KTM) dan isu *Custom, Immigration and Quarantine (CIQ)* yang melibatkan *Point of Agreement (POA)*, isu bekalan pasir dari Malaysia ke Singapura, penambakan tanah oleh Singapura di sekitar Pulau Tekong, isu penggunaan ruang udara Malaysia oleh pesawat tentera *Republic of Singapore Air Force (RSAF)*, isu pengeluaran wang simpanan rakyat Malaysia dalam *Central Provident Fund (CPF)* dan cadangan jambatan baru menggantikan Tambak Johor telah menjadikan hubungan dua hala ini seperti menonton sebuah filem aksi dengan plot yang penuh dengan unsur *suspense* dan kejutan.

Bagi menyelesaikan konflik yang berterusan ini, satu perkara yang menjadi kenyataan ialah kedua-dua buah negara mengambil pelbagai langkah seperti rundingan dan timbang tara untuk mengurangkan jurang perbezaan di antara mereka. Tindakan kedua-dua buah negara ini menimbulkan satu rasa ingin tahu dalam diri penyelidik untuk memahami apakah perkara sebenar yang berlaku di antara kedua-dua negara jiran ini. Penyelidik tidak dapat mengelakkan diri daripada bertanya soalan iaitu apakah modus operandi yang digunapakai oleh kerajaan Malaysia dalam menguruskan rundingan dengan Singapura?. Soalan seterusnya ialah apakah penentuan yang diambilkira oleh kerajaan Malaysia semasa mengadakan rundingan dengan Singapura?. Ianya disusuli soalan akhir iaitu adakah Malaysia mencapai matlamat rundingan yang telah ditetapkan?.

Minat penyelidik dalam usaha memahami pendekatan rundingan yang digunakan oleh Malaysia dalam menyelesaikan perbalahan dengan Singapura

berubah menjadi satu keinginan yang mendalam apabila berhadapan dengan isu POA. Penyelidik berminat dengan isu ini kerana perbalahan telah berlarutan bertahun-tahun lamanya, di antara Malaysia dengan Singapura yang ditandatangani pada tahun 1990 tetapi hanya dapat diselesaikan pada tahun 2010. Penyelidik bercadang untuk menggunakan POA ini sebagai satu titik tolak dalam usaha memahami pendekatan rundingan yang dilakukan oleh kedua-dua pihak, khasnya Malaysia untuk mencapai satu kata putus dalam soal POA ini. Penjelasan dan analisis yang melibatkan POA ini diharapkan dapat membawa kepada satu kefahaman terhadap cara-cara rundingan dijalankan oleh kedua-dua negara Malaysia-Singapura untuk mencapai kepentingan masing-masing. Selain itu kajian ini diharapkan akan menjadi perintis dalam usaha menggunakan pendekatan rundingan dalam memahami hubungan antarabangsa antara negara. Usaha ini akan dimulakan dengan langkah mengenalpasti motivasi dan masalah kajian.

1.2 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan untuk memenuhi objektif berikut:

- 1.2.1 Menjelaskan faktor-faktor yang membawa kepada persetujuan Malaysia-Singapura dalam menandatangani POA.
- 1.2.2 Meneliti dan menjelaskan masalah serta kekangan dalam rundingan POA 1990 sehingga tergendala selama dua dekad yang mengeruhkan hubungan dua hala.
- 1.2.3 Mengenalpasti dan menghuraikan pelbagai cabaran yang menghalang pelaksanaan proses rundingan POA.

1.2.4 Menganalisis impak rundingan POA ini dalam hubungan dua hala di bawah kepimpinan Najib Abdul Razak khasnya dalam tempoh penggal kedua pentadbirannya.

1.3 PERNYATAAN MASALAH KAJIAN

Permasalahannya ialah amalan rundingan yang menjadi fokus dalam kajian ini, berdasarkan POA, sebagai satu pendekatan dalam usaha memahami kedinamikan dasar luar Malaysia tidak mendapat perhatian dalam kalangan sarjana yang mengkaji hubungan bilateral Malaysia dengan negara luar, khasnya dalam kes hubungan Malaysia-Singapura.¹ Kebanyakan kajian yang telah dijalankan sebelum ini menekankan tiga pendekatan, iaitu, *Neo-Realist*, *Neo-Liberal* dan *Strukturalism* sebagai pendekatan yang dominan dalam usaha menganalisis perlakuan negara-negara kecil dalam sistem antarabangsa. Pendekatan yang digunakan memberikan tumpuan kepada penganalisaan terhadap faktor dalaman seperti keputusan birokrasi atau faktor idiosinkratik, atau pun faktor keadaan kedudukan tergantung negara kecil yang menerima tekanan sistem antarabangsa, didapati tidak begitu sesuai dalam usaha memahami perlakuan negara-negara kecil seperti Malaysia dalam

¹ Kajian-kajian berikut hanya menyentuh pendekatan rundingan secara sambil lalu: Abdullah Ahmad. (2007). *Malaysia at the United Nations: An assessment*. Dalam Abdul Razak Baginda (Ed). *Malaysia's Foreign Policy: Continuity and Change*. Shah Alam, Selangor: Marshall Cavendish (M) Sdn. Bhd, ms 156-169; Syed Hamid Albar. (2006a). *Foreign Minister at Number One, Wisma Putra*. Dalam Fauziah Mohd Taib (Ed). *Number One Wisma Putra*. Kuala Lumpur: Institute of Diplomacy and Foreign Relations, ms. 1-9; Syed Hamid Albar. (2006b). *Malaysia in World Politics: The Challenges Ahead*. Dalam Ruhana Harun (Ed). *Malaysia's Foreign Relations: Issues and Challenges*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press; Abdullah Ahmad Badawi. (2002). *Globalisation: Meeting Future Challenges*. Kertas kerja dibentangkan semasa the 7th National Civil Service Conference, Kuala Lumpur; Pathmanathan Murugesu. (1990). *Formulation and Administration of Malaysian Foreign Policy*. Dalam Mohammed Azhari Karim, Llewellyn D. Howell, Grace Okuda (Ed). *Malaysian Foreign Policy: Issues and Perspectives*. Kuala Lumpur: National Institute of Public Administration, ms. 17-29.

sistem antarabangsa.² Oleh hal yang demikian, pendekatan rundingan, khasnya isu POA ini dipilih sebagai satu alternatif baru untuk mengisi jurang dalam usaha memahami perlakuan negara kecil dalam sistem antarabangsa.

Walaupun kefahaman terhadap isu POA ini dari sudut pandangan Malaysia masih kabur, yang menjadi asas rasional kepada kajian ini tetapi pandangan tentang POA ini dari sudut pandangan Singapura pula agak jelas kerana pemimpin Singapura khasnya Lee Kuan Yew, mantan Perdana Menteri Singapura dan S. Jayakumar, bekas Menteri Luar Singapura telah merekodkan isu POA ini dalam penulisan mereka.³ Kedua-dua pemimpin Singapura ini memberikan pandangan peribadi masing-masing terhadap isu POA ini yang mewakili persepsi Singapura. Satu perkara yang sangat pasti ialah kedua-dua pemimpin Singapura ini mengambil kira kepentingan negara Republik ini dalam penulisan mereka. Impaknya, pandangan kedua-duanya tidak memberikan satu kefahaman secara menyeluruh kepada pengkaji yang meneliti isu ini secara objektif. Walau bagaimanapun dari sudut pandangan Malaysia pula, isu ini telah dibincangkan secara sepintas lalu oleh Mahathir Mohamad dan Kadir Mohamad dalam penulisan masing-masing.⁴ Namun isu POA ini tidak diberikan satu analisis yang komprehensif, yang membolehkan

² Bagi memahami andaian teoritikal ketiga-tiga pendekatan ini sila rujuk, Anne, Jacqueline Braveboy-Wagner. (2003). *The Foreign Policies of the Global South: An Introduction*. Dalam Anne, Jacqueline Braveboy-Wagner (Ed). *The Foreign Policies of the Global South: Rethinking Conceptual Frameworks*. Boulder: Lynne Rienner Publishers, ms. 9; bagi aspek idiosinkratik lihat, Neack, Laura. (2003). *The New Foreign Policy: U.S. and Comparative Foreign Policy in the 21st Century*. Boulder: Rowman & Littlefield Publishers, Inc., ms. 21-22; bagi pendekatan strukturalism lihat, Jeanne, A. K. Hey. (1995). *Foreign Policy in Dependent States*. Dalam Neack, Laura, Jeanne, A. K. Hey and J. Haney, Patrick (Ed). *Foreign Policy Analysis: Continuity and Change in Its Second Generation*. New Jersey: Prentice Hall, ms. 201-213.

³ S. Jayakumar. (2011). *Diplomacy: A Singapore Experience*. Singapore: Straits Times Press; Lee Kuan Yew. (1998). *The Singapore Story 1965-2000: Memoirs of Lee Kuan Yew*. Singapore: Times Academic Press; Lee Kuan Yew(2000). *From Third World to First. The Singapore Story: 1965 – 2000, Memoirs of Lee Kuan Yew*. Times Media Ptd. Ltd.

⁴ Kadir Mohamad (2015). *Malaysia Singapore Fifty Years of Contentions 1965 – 2015*. Kuala Lumpur: The Other Press; Mahathir Muhamad. (2012). *Doktor Umum: Memoir Tun Dr. Mahathir Mohamad*. Petaling Jaya: MPH Group Publishing Sdn. Bhd.

mana-mana pengkaji membuat satu penilaian yang adil dalam usaha memahami isu POA secara khusus dan kerumitan hubungan dua hala Malaysia-Singapura secara amnya. Oleh hal yang demikian, kajian ini diharapkan akan dapat mengisi lompang yang wujud dalam mengkaji hubungan dua hala Malaysia-Singapura.

Pelbagai kerumitan yang wujud mengenai POA ini tidak dapat dijelaskan berdasarkan *literature* yang ada pada hari ini. Masalah pertama yang berligar dalam pemikiran setiap pengkaji ialah jangka masa 20 tahun diperlukan untuk mencapai satu penyelesaian. Jangka masa ini dianggap agak lama sekiranya meneliti bentuk hubungan dua hala Malaysia-Singapura yang menunjukkan kemesraan. Oleh hal demikian, pengkaji ingin menjelaskan apakah masalah yang dihadapi sehingga diperlukan jangka masa selama 20 tahun. Persoalan kedua yang perlu diberikan perhatian ialah peranan dan pendirian yang diambil oleh pemimpin kedua-dua negara yang menjalankan rundingan POA ini. Pengkaji ingin menjelaskan pendekatan yang digunakan oleh kedua-dua pemimpin ini dalam meleraikan permasalahan ini. Apakah bentuk konsesi yang ditawarkan sebagai satu motivasi untuk membolehkan kedua-dua negara ini meneruskan rundingan? Permasalahan yang paling utama apabila rundingan POA ini dimeterai pada tahun 2010 ialah siapakah yang berupaya menegakkan tuntutan mereka dan pulang dengan senyuman. Permasalahan-permasalahan ini tidak dapat dijawab dengan meneliti *literature* yang ada pada masa ini. Oleh hal yang demikian, kajian ini sangat-sangat diperlukan sebagai satu titik tolak untuk menghuraikan amalan rundingan dalam dasar luar Malaysia.

Keadaan kekaburan yang dijelaskan di atas, membawa kepada pandangan pengkaji yang menyeru supaya satu kajian yang terperinci untuk menjawab permasalahan yang telah dibangkitkan di atas. Dalam zaman yang dikuasai oleh proses globalisasi dan kebangkitan usaha-usaha pendemokrasian dalam zaman pascaPerang Dingin, didapati bahawa setiap negara yang menghadapi masalah dan konflik dengan negara lain ingin menyelesaikan perbalahan mereka melalui pelbagai cara. Pengkaji telah mengenalpasti lima pendekatan utama dalam menyelesaikan pergeseran antara negara. Pendekatan yang dikenalpasti ialah pengadilan, pengantaraan, timbang tara, cara paksaan dan rundingan.⁵ Walau pun dikatakan wujud lima cara untuk menyelesaikan konflik antarabangsa, kebanyakan sarjana mengakui bahawa pendekatan rundingan menjadi teras dan faktor penting dalam hubungan antarabangsa dan diplomasi.⁶ Beberapa sarjana lain pula berpandangan bahawa dalam menyelesaikan konflik antarabangsa, pendekatan rundingan merupakan bentuk penyelesaian yang terbaik dan diberikan keutamaan jika dibandingkan dengan pendekatan lain yang disebutkan di atas kerana rundingan dapat mengekalkan hubungan antara pihak yang terlibat untuk terus berhubung antara satu sama lain.⁷ Oleh hal yang demikian, pengkaji berpendapat bahawa pendekatan rundingan perlu dijadikan sebagai satu metodologi bagi memahami hubungan dua hala ini. Berdasarkan premis ini, pengkaji bercadang menggunakan pendekatan rundingan sebagai satu cara menganalisis hubungan Malaysia-Singapura.

Oleh itu dapat dinyatakan bahawa, tujuan kajian kes kualitatif ini berdasarkan cara rundingan yang menggunakan pendekatan Strategi Kolaboratif dan

⁵ Bagi meneliti perbincangan terperinci pendekatan ini, sila rujuk bahagian ulasan karya.

⁶ Rujuk bahagian ulasan karya untuk mendapatkan maklumat lanjut.

⁷ Pandangan ini dianalisis dalam bahagian ulasan karya.

Strategi Kompetitif yang akan dijelaskan kemudian. Ianya adalah untuk menganalisis faktor-faktor, kekangan dan bentuk penyelesaian hasil daripada rundingan dua hala antara pemimpin Malaysia dengan Singapura mengenai status tanah Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) oleh kedua-dua buah negara berdasarkan *Point of Agreement* (POA) yang ditandatangani pada tahun 1990 dan diselesaikan pada tahun 2010.

1.4 HIPOTESIS

- 1.4.1 Perbezaan trajektori sejarah, model pembangunan negara yang berbeza dan idiosinkratik pemimpin menjadi penghalang dalam rundingan melaksanakan POA yang dimeterai pada tahun 1990.
- 1.4.2 Cabaran politik domestik dan keperluan kerjasama pada peringkat serantau membantu penyelesaian rundingan POA.
- 1.4.3 Penyelesaian rundingan POA lebih menguntungkan pihak Singapura daripada Malaysia.
- 1.4.4 Perubahan kepimpinan pemimpin Malaysia diikuti pendirian Perdana Menteri khasnya Najib Abdul Razak untuk menyelesaikan rundingan POA pada tahun 2010.

1.5 ULASAN KARYA

Ulasan karya ini dibahagikan kepada tiga bahagian untuk menjelaskan kekurangan bahan kajian sedia ada sebagai usaha merasionalkan pendekatan rundingan dalam hubungan Malaysia-Singapura. Jurang karya ini diteliti dengan